



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **DAYA TARIKAN PENGUNJUNG KE MENARA KUALA LUMPUR MELALUI PROGRAM KL *RUSH EXPLORACE* 2017 SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KUALA LUMPUR, 26 Februari 2017** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan Acara Penutupan dan Penyampaian Hadiah bagi 'KL *Rush Explorace* 2017' sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2017 di Menara Kuala Lumpur di sini. Program ini dianjurkan oleh Menara Kuala Lumpur dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Program ini bertujuan untuk memupuk semangat cintakan Wilayah Persekutuan di samping menggalakkan warga Wilayah Persekutuan mengamalkan gaya hidup sihat dan mengeratkan silaturrahim di antara penduduk Wilayah Persekutuan selain daripada mewujudkan satu suasana yang harmoni dan bersatu di kalangan penduduk di Wilayah Persekutuan sesuai dengan slogan SHWP 2017 iaitu "Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera".

Program ini dapat memberikan peluang kepada masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum, budaya dan pelbagai lapisan umur untuk memenuhi masa lapang dengan menyertai aktiviti sebegini. Kebanyakan peserta yang menyertai acara ini berumur di antara 16 hingga 50 tahun dalam mengharungi cabaran-cabaran yang diberikan.

Program ini akan diteruskan pada tahun hadapan dan turut melibatkan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan sebagai destinasi di dalam *explorace* ini dan menjadi acara tahunan Menara Kuala Lumpur sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada setiap tahun.

Perbincangan antara pihak KWP dengan pihak Menara Kuala Lumpur untuk menjadikan Menara KL sebagai salah satu program partners/merchant Kad Ceria yang membolehkan ahli-ahli Kad Ceria menikmati diskaun apabila berkunjung ke Menara KL. Kerjasama pihak Menara Kuala Lumpur dalam memberikan diskaun sebanyak yang mungkin seperti diskaun sebanyak 50% kepada ahli-ahli Kad Ceria untuk bayaran naik ke *Observation Deck* sangat diharapkan oleh warga Wilayah Persekutuan.

Diharapkan pelaksanaan program seperti ini dapat memupuk semua lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan ke arah pembentukan suatu koloni masyarakat yang cergas, sihat fizikal dan cerdas mindanya di samping menyemai nilai dan sikap saling menghormati, bertoleransi dan bantu membantu di antara satu sama lain di negara kita khususnya di Wilayah Persekutuan. Program yang dianjurkan sempena SHWP 2017 ini dapat membentuk semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dan ke arah meningkatkan keceriaan dan kesejahteraan warga kota.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
26 Februari 2017